

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**SAU313 – Undang-Undang Pekerjaan**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Anda dikehendaki menjawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Soalan di Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

### **Bahagian A**

Soalan di Bahagian ini **WAJIB** dijawab.

1. Bincangkan cara undang-undang Malaysia melindungi pekerja daripada layanan yang memudaratkan oleh majikan. Sertakan contoh atau kes yang sesuai bagi hujah-hujah anda.

(100 markah)

### **Bahagian B**

Jawab **DUA (2)** soalan di Bahagian ini.

2. (a) Jelaskan bentuk-bentuk penamatan kerja dalam undang-undang pekerjaan di Malaysia.

(50 markah)

- (b) Jelaskan bentuk-bentuk penyelesaian konflik yang ada dalam undang-undang pekerjaan di Malaysia.

(50 markah)

3. (a) Apakah undang-undang kontrak? Jelaskan maksudnya dan kemudian bincangkan kaitannya dengan undang-undang pekerjaan.

(50 markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan terma dan syarat dalam kontrak? Bincangkan dengan merujuk kepada situasi dalam undang-undang pekerjaan.

(50 markah)

4. Terangkan, dengan memberikan contoh, perkara-perkara berikut dalam konteks undang-undang pekerjaan:
- (a) Kontrak perkhidmatan (20 markah)
  - (b) Kontrak untuk memberi khidmat (20 markah)
  - (c) Liabiliti bagi pihak (20 markah)
  - (d) Penamatan kerja atas sebab lebihan kerja (20 markah)
  - (e) Salahlaku (20 markah)
5. Terangkan, dengan memberikan contoh, ujian undang-undang yang boleh digunakan untuk membezakan kontrak perkhidmatan dengan kontrak untuk memberi khidmat. (100 markah)